

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor seperti yang dinyatakan pada para 4 (i-iv) bagi kerja-kerja berikut : -

No Sebutharga	Tajuk Projek	Kelas	Kepala Sub-Kepala	Tempat Dokumen Dijual	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 148/2016	Cadangan Ubahsuai Bagi Pusat Aktiviti NGO Di Tingkat Bawah Kedai 3 Tingkat, Di No. 34g, Kg, Jambu, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Majlis Perbandaran Kajang.	CIDB G1 (Beralamat Dalam Hulu Langat)	B 04	Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan	53.00 (Termasuk 6% GST)	27 Sept 2016 Hingga 11 Okt 2016

Tempat dan Tarikh Melapor Diri Bagi Taklimat Lawatan Tapak :

KEHADIRAN TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN

HANYA PENAMA DI DALAM SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) SAHAJA YANG DIBENARKAN MENGHADIRI TAKLIMAT LAWATAN TAPAK

**Dewan Mini Teater Cempaka Telur,
Tingkat 6A, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000, Kajang, Selangor Darul Ehsan.**

Tarikh : **27 September 2016**

Jam : **8.30 pagi hingga 9.30 pagi**

2. Pemborong yang ingin memasuki sebutharga di atas hendaklah membayar dalam bentuk wang tunai atau wang pos di atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang**.
3. Hanya **PENAMA** di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) SAHAJA yang dibenarkan menghadiri **taklimat dan lawatan tapak**.
4. Hanya **Penama / Wakil** Sahaja yang dibenarkan dalam **urusan pembelian dokumen sebutharga** yang dikeluarkan. (Sila lampirkan surat wakil)
5. Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada pemborong yang sah sahaja bermula tarikh **27 September 2016** sehingga **11 Oktober 2016** Untuk maksud ini pemborong hendaklah membawa **sijil pendaftaran asal** seperti berikut :-

- i) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK),**
- ii) **Sijil Taraf Bumiputera (STB),**
- iii) **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB),**
- iv) **Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**
** Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.*

- 6. Salinan-salinan perakuan dan / atau sijil berkenaan yang boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen sebutharga hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Wang Tunai / Bank Draf / Wang Pos / Kiriman Wang Pos sahaja atas nama Yang DiPertua.
- 7. Dokumen sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **pada** atau **sebelum 11 Oktober 2016** jam **12.00 tengahari**.
- 8. Majlis Perbandaran Kajang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.

**Bahagian Bekalan Dan Perolehan,
Jabatan Khidmat Pengurusan,
b.p Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kajang,
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang.**